

08/03/2003

Sultan Terengganu, Dr M dahului senarai

KLANG: Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al Muktafi Billah Shah dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mendahului senarai 83 orang penerima Darjah Kebesaran sempena Hari Kemahkotaan Sultan Selangor ke-9, Sultan Sharafuddin Idris Shah, hari ini.

Sultan Mizan Zainal Abidin dan Dr Mahathir menerima Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (DK1).

Adinda Sultan Selangor yang juga Tengku Panglima Diraja Selangor, Tengku Sulaiman Shah Alhaj dianugerahkan Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (DK11) manakala Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman dianugerahkan Seri Paduka Mahkota Selangor (SPMS) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Anakanda Sultan Selangor, Tengku Zerafina dianugerahkan Darjah Kebesaran Datuk Setia-Sultan Sharafuddin Idris Shah yang membawa gelaran Datin Paduka Setia.

Sepuluh penerima dianugerahkan Datuk Paduka Mahkota Selangor (DPMS) iaitu Ahmad Bujang (Ahli Majlis Perbandaran Ampang Jaya); Pengurus Besar Kanan Berita dan Hal Ehwal Semasa TV3, Datuk Chamil Wariya; Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Dell Akbar Hyder Khan; Ketua Polis Selangor, Datuk Mohd Noor Hamat dan Timbalan Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Laksamana Madya Datuk Mohd Anwar Mohd Nor.

Turut menerima DPMS ialah Pengarah TRI Berhad, Lim Kheng Guan; Pengarah Pusat Perubatan Universiti Malaya, Profesor Dr Mohd Amin Jalaludin; Ketua Pegawai Eksekutif Konsortium Abbas, Datuk Sulaiman Abu Bakar; Thanarajasingam a/l Subramaniam dari Wisma Putra dan Timbalan Pengurus Besar PKNS, Zainudin Zainal Abidin.

Empat belas orang dianugerahkan Darjah Datuk-Sultan Sharafuddin Idris Shah (DSIS) yang membawa gelaran Datuk. Mereka ialah Abdul Rashid Yusof (Pengarah Jabatan Kerja Raya), Dr Mohd Kassim Ali (Pengarah Urusan Kumpulan Jetson), Datuk Francis Chang Hsun Huang (Pengerusi Cojadi), Termuzi Abdul Aziz (Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia), Ibrahim Md Yusof (Pengarah Urusan Worldwide Holdings), Johari Abdul Ghani (Pengarah Urusan KFC Holdings Berhad), Liew Poon Siak (Presiden Dewan Perniagaan Cina Selangor dan Kuala Lumpur) dan Mohd Sharif Yusof (Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang).

Prof Dr Mohamed Shariff Mohamed Din (Universiti Pertanian Malaysia), Profesor Dr Mohd Razali Agus (Universiti Malaya), Richard Alexander John Curtis (Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Milenium), Voon Tin Yow (Ketua

Pegawai Eksekutif yang juga Pengarah Eksekutif SP Setia Bhd), Datuk Wong Chun Wai (Eksekutif Editor The Star Publication) dan Raja Uzair Tengku Zainon Rashid Shah (Orang Besar Datuk Kuala Langat).

Seramai 13 orang menerima Darjah Kebesaran Setia Mahkota Selangor (SMS).

Mereka ialah Penolong Pengarang Utusan Malaysia, Abdul Aziz Ishak; Ketua Polis Kuala Selangor, Mohd Azmir Mohd Nadzri; V Subramaniam (Pengurus Besar Operasi Puas), Abdullah Abu Bakar, Ariffin Bakar Ab Rahman, Ariffin

Osman, Harith Ibrahim, Mohd Said Atan, Mohd Suffian Abdul Aziz, Razak Omar, Rosni Rahmat, Tan Auw Hock dan Zakaria Abdul Hamid.

Sebelas penerima dianugerahkan Darjah Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (SIS). Mereka ialah Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang

Jaya, Arpah Abdul Razak, Aziz Md Derus, Gan Ah Fook, D Gnanasambantham, Hamzah Puniman, Lim Yow Tuan, Mohd Arif Abdul Rahman, Nasimah Ahmad, Rohani Sham, Shaharuddin Kaman dan Wong Yien Ki.

Lima belas penerima Darjah Ahli Mahkota Selangor ialah Ketua Polis Kuala

Langat, Superintendan Abdul Malek Harun; Pengarah Penerangan Selangor, Tan

Ishak, Abdul Satar Mat Arab, Ahmad Apandi Samsudin, Ahmad Ab Latif, Aminah

Abd Rahman, S Chandran, Goh Chong Beng, Datin Sulaimah Marji, Abdullah Mat, Md Wahid Mohd Nor, Qwee Kiaw Boon, M Sambanthan, Wan Rabiah Wan Mohd

Yusof dan Wong Kuan Feng.